

**KRITERIA PEMARKAHAN KECEMERLANGAN AKADEMIK BAGI
PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UUM**

KOMPONEN	MARKAH		GLOSARI
1. <u>PENGAJARAN/PENYELIAAN</u> DS52 : 50 DS54 : 40 VK7 : 30	Kuantiti 50%	Kualiti 50%	
1.1 <u>PENGAJARAN PERDANA</u> 1.1.1 PhD/DBA/Sarjana/ Pasca Doktorat 1.1.2 Diploma Pascasiswazah/Sarjana Muda/Diploma 1.1.3 Diploma Eksekutif	 1.0/kredit 0.5/kredit (kuliah) *0.25/jam (tutorial) 0.25/modul		 Program Perdana bermaksud pengajaran kursus-kursus yang ditawarkan oleh Universiti bagi program Ph.D, DBA, Sarjana, Diploma Pascasiswazah atau Sarjana Muda yang tidak berbayar. Markah bagi komponen kualiti akan ditolak bergantung kepada bilangan teguran senat dan pematuhan kepada keperluan sistem kualiti berkaitan P&P (COPPA, ISO, SETARA dan yang berkaitan) . Komponen markah kualiti yang akan ditolak adalah seperti berikut : 1 – 2 teguran = 10% 3 – 5 teguran = 20% 6 – 9 teguran = 50% Jika lebih 10 teguran markah kualiti adalah 0. Contoh pengiraan markah kualiti : Pensyarah yang mendapat teguran yang ketiga (nilai kredit kursus yang ditegur adalah 3 kredit) $1 \times 3 \times 0.5 = 1.5$ Markah yang ditolak = $0.2 \times 1.5 = 0.3$ Markah yang dikumpul untuk kursus tersebut adalah = $1 \times 3 - 0.3 = 2.7$ *Staf akademik yang dilantik sebagai 'Teaching Fellow'. Pensyarah yang tidak dilantik sebagai 'Teaching Fellow' tidak layak mendapat markah untuk tutorial..

**KRITERIA PEMARKAHAN KECEMERLANGAN AKADEMIK BAGI
PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UUM**

KOMPONEN	MARKAH	GLOSARI
<p>1.2 <u>PENYELIAAN</u></p> <p>1.2.1 <u>PENYELIDIKAN PENUH</u></p> <p>(i) Ph.D</p> <p>(a) Penyelia Utama ATAU Perseorangan</p> <p>(b) Penyelia Kedua/Jawatankuasa</p> <p>(ii) Sarjana</p> <p>(a) Penyelia Utama</p> <p>(b) Penyelia Kedua/Jawatankuasa</p>	<p>12.0/pelajar</p> <p>8.0/pelajar</p> <p>5.0/pelajar</p> <p>3.0/pelajar</p>	<p>Bagi penyeliaan pelajar yang mengikuti program melalui penyelidikan, markah diberikan setelah pelajar lulus.</p> <p>Markah yang sama akan diberikan kepada Jawatankuasa jika terdapat dua atau lebih penyelia kedua.</p> <p>Markah adalah sama jika menjadi Penyelia Bersama di Universiti lain.</p> <p>Untuk VK7 markah minimum penyeliaan adalah tidak kurang daripada 12 markah dan dikumpul melalui 1.2.1 (i) a.</p> <p>Untuk DS54 markah minimum penyeliaan adalah tidak kurang daripada 5 markah.</p>

**KRITERIA PEMARKAHAN KECEMERLANGAN AKADEMIK BAGI
PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UUM**

KOMPONEN	MARKAH	GLOSARI
<p>1.2.2 <u>PENYELIDIKAN SEPARA</u></p> <p>(i) Ph.D Industri (D.Mgt)</p> <p style="padding-left: 20px;">(a) Penyelia Utama</p> <p style="padding-left: 20px;">(b) Penyelia Kedua/Jawatankuasa</p> <p>(ii) DBA/Setara (Disertasi/Projek Perundingan)</p> <p style="padding-left: 20px;">(a) Penyelia Utama</p> <p style="padding-left: 20px;">(b) Penyelia Kedua/Jawatankuasa</p> <p>(iii) Sarjana</p> <p style="padding-left: 20px;">(a) Penyelia Utama</p> <p style="padding-left: 20px;">(b) PenyeliaKedua/Jawatankuasa</p>	<p>5.0/pelajar</p> <p>3.0/pelajar</p> <p>5.0/pelajar</p> <p>3.0/pelajar</p> <p>2.5/pelajar</p> <p>1.5/pelajar</p>	<p>Penyelidikan separa bermaksud program yang mempunyai mod penyelidikan dan kursus. Markah diberikan setelah pelajar lulus.</p> <p>Penyeliaan secara jawatankuasa diberi markah sama dengan penyelia kedua. Markah diberikan setelah pelajar lulus.</p> <p>Contoh : Program yang setara dengan DBA adalah Industrial Ph.D dan J.D(Doctorate of Jurisprudence). Markah diberikan setelah pelajar lulus.</p>
<p>1.2.3 <u>SARJANA MUDA</u></p> <p>(i) Latihan Ilmiah/Projek Sarjana Muda</p> <p>(ii) Latihan Mengajar/Latihan Industri/Praktikum</p>	<p>0.5/pelajar</p> <p>0.25/pelajar</p>	<p>Latihan Ilmiah dan Projek Sarjana Muda hendaklah mengambil masa sekurang-kurangnya satu semester. Markah diberikan setelah pelajar lulus.</p> <p>Markah diberikan kepada pelajar-pelajar yang lulus sahaja.Maksimum 5 markah sahaja.</p>

**KRITERIA PEMARKAHAN KECEMERLANGAN AKADEMIK BAGI
PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UUM**

KOMPONEN	MARKAH	GLOSARI
<p>2. <u>PENYELIDIKAN</u></p> <p>2.1 GERAN ANTARABANGSA</p> <p>2.1.1 Ketua Program</p> <p>2.1.2 Ketua Projek</p> <p>2.1.3 Ahli Penyelidik</p>	<p>DS52 : 15 DS54 : 20 VK7 : 25</p> <p>10.0/program</p> <p>8.0/projek</p> <p>6.0/projek</p>	<p>Markah penyelidikan diambil kira setelah sesuatu penyelidikan telah disiapkan dan laporan penyelidikan telah diperakukan oleh pemiaya.</p> <p>Ketua Program adalah ketua bagi beberapa projek penyelidikan.</p> <p>Ketua projek adalah ketua penyelidik bagi sesuatu projek.</p> <p>Ketua mendapat markah penuh.</p> <p>Markah yang sama (6 markah) untuk diberikan kepada ahli penyelidik kedua hingga kelima. Sekiranya terdapat lebih daripada lima ahli penyelidik, 30 (5 x 6) markah dibahagikan kepada bilangan ahli penyelidik. Contoh, jika jumlah bilangan ahli penyelidik 10 orang.</p> <p>e.g $\frac{5 \times 6}{10} = \frac{30}{10} = 3$ markah setiap ahli</p>
<p>2.2 GERAN KEBANGSAAN</p> <p>2.2.1 Ketua Program</p> <p>2.2.2 Ketua Projek</p> <p>2.2.3 Ahli Penyelidik</p>	<p>8.0/program</p> <p>6.0/projek</p> <p>4.0/projek</p>	<p>Ketua mendapat markah penuh.</p> <p>Markah yang sama (4 markah) untuk diberikan kepada ahli penyelidik kedua hingga kelima. Sekiranya terdapat lebih daripada lima ahli penyelidik, 20 (5 x 4) markah dibahagikan kepada bilangan ahli penyelidik. Contoh, jika jumlah bilangan ahli penyelidik 10 orang.</p> <p>e.g $\frac{5 \times 4}{10} = \frac{20}{10} = 2$ markah setiap ahli</p> <p>Geran kebangsaan adalah geran yang dibuka kepada penyelidik tempatan sahaja.</p> <p>Termasuk agensi swasta dan kerajaan (e-SCIENCE, TECHNO FUND, INOFUND, FRGS dll).</p> <p>Untuk jawatan Profesor Gred Khas C, pemohon hendaklah mengumpulkan sekurang-kurangnya 6 markah melalui 2.2.2 atau 8 markah melalui 2.1.2</p>

**KRITERIA PEMARKAHAN KECEMERLANGAN AKADEMIK BAGI
PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UUM**

KOMPONEN	MARKAH	GLOSARI
<p>2.3 GERAN UNIVERSITI</p> <p>2.3.1 Ketua Projek</p> <p>2.3.2 Ahli Penyelidik</p>	<p>3.0/projek</p> <p>2.0/projek</p>	<p>Markah yang sama (2 markah) untuk diberikan kepada ahli penyelidik kedua dan ketiga. Sekiranya terdapat lebih daripada dua ahli penyelidik, 4 (2 x 2) markah dibahagikan kepada bilangan ahli penyelidik. Contoh, jika jumlah bilangan ahli penyelidik 3 orang.</p> <p>e.g $\frac{2 \times 2}{3} = \frac{4}{3} = 1.3$ markah setiap ahli</p> <p>Bagi permohonan ke jawatan Profesor (VK7) markah maksimum adalah 6 markah.</p> <p>Bagi permohonan ke jawatan Profesor Madya (DS54) markah maksimum adalah 9 markah.</p>
<p>2.4 TANPA GERAN (BERDAFTAR DENGAN UNIVERSITI)</p>	<p>1.0/projek</p>	<p>Bagi penyelidikan tanpa geran, penyelidikan berkenaan hendaklah didaftarkan dengan RIMC dan laporan penyelidikan dikemukakan untuk simpanan RIMC.</p> <p>Kategori ini tidak boleh digunakan bagi permohonan ke jawatan Profesor (VK7).</p> <p>Bagi permohonan ke jawatan Profesor Madya (DS54) markah maksimum adalah 2 markah.</p> <p>Bagi permohonan ke jawatan Pensyarah Kanan (DS52) markah mestilah tidak melebihi 5 markah.</p>

**KRITERIA PEMARKAHAN KECEMERLANGAN AKADEMIK BAGI
PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UUM**

KOMPONEN	MARKAH	GLOSARI
<p>3. PENERBITAN</p> <p>3.1 <u>BUKU ILMIAH (CETAKAN ATAU ELEKTRONIK)</u></p> <p>3.1.1 PENGAJARAN (BUKU TEKS)/RUJUKAN UMUM</p> <p>(i) Karya Asli berwasit terbitan penerbit terkemuka dan mengikut piawaian antarabangsa</p> <p>(ii) Karya Asli berwasit oleh lain-lain Penerbitan dan mengikut piawaian antarabangsa</p> <p>(iii) Karya ilmiah bukan tertiar dan lain-lain dan mengikut piawaian antarabangsa</p>	<p>DS52 : 20 DS54 : 25 VK7 : 30</p> <p>10.0/buku</p> <p>7.0/buku</p> <p>3.0/buku</p>	<p>Buku Karya Asli bermaksud buku-buku ilmiah yang diterbitkan dan digunakan sebagai sumber rujukan. Penerbit mestilah terdiri daripada yang berwibawa contohnya Oxford, Routledge, Cambridge, Harvard, McGraw Hill, John Wiley dan seumpamanya.</p> <p>Markah yang sama (10 markah) untuk karya asli berwasit diberikan kepada penulis pertama dan kedua. Sekiranya terdapat lebih daripada dua pengarang, 20 (2 x 10) markah dibahagikan kepada bilangan pengarang terlibat.</p> <p>Markah yang sama (7 markah) untuk karya asli berwasit oleh lain-lain penerbitan diberikan kepada penulis pertama dan kedua. Sekiranya terdapat lebih daripada dua pengarang, 14 (2 x 7) markah dibahagikan kepada bilangan pengarang terlibat.</p> <p>Markah yang sama (3 markah) untuk karya bukan tertiar diberikan kepada penulis pertama dan kedua. Sekiranya terdapat lebih daripada dua pengarang, 6 (2 x 3) markah dibahagikan kepada bilangan pengarang terlibat.</p>
<p>3.1.2 BAB DALAM BUKU</p> <p>(i) Karya Asli berwasit terbitan penerbit terkemuka dan mengikut piawaian antarabangsa</p> <p>(ii) Karya Asli berwasit oleh lain-lain penerbitan dan mengikut piawaian antarabangsa</p> <p>(iii) Karya bukan tertiar dan lain-lain dan mengikut piawaian antarabangsa</p>	<p>2.5/bab</p> <p>2.0/bab</p> <p>0.75/bab</p>	<p>Markah maksimum adalah untuk tiga bab sahaja. Markah maksimum hanya 7.5 markah sahaja.</p> <p>Markah maksimum hanya 6 markah sahaja</p> <p>Markah maksimum adalah untuk tiga bab sahaja. Markah maksimum hanya 2.25 markah sahaja.</p>

**KRITERIA PEMARKAHAN KECEMERLANGAN AKADEMIK BAGI
PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UUM**

KOMPONEN	MARKAH	GLOSARI																
<p>3.1.3 BUKU TERJEMAHAN</p> <p>(i) Karya Asli berwasit terbitan penerbit terkemuka dan mengikut piawaian antarabangsa</p> <p>(ii) Karya Asli berwasit oleh lain-lain penerbitan dan mengikut piawaian antarabangsa</p> <p>(iii) Karya bukan tertiar dan lain-lain dan mengikut piawaian antarabangsa</p>	<p>3.0/buku</p> <p>2.0/buku</p> <p>1.0/buku</p>	<p>Buku-buku ilmiah yang diterjemahkan.</p> <p>Markah maksimum bagi ;</p> <table border="0" style="width: 100%; text-align: center;"> <tr> <td></td> <td>Jawatan Profesor</td> <td>Jawatan Prof. Madya</td> <td>Jawatan Pensyarah Kanan</td> </tr> <tr> <td></td> <td><u>(VK7)</u></td> <td><u>(DS54)</u></td> <td><u>(DS52)</u></td> </tr> <tr> <td>Penulisan buku</td> <td>15</td> <td>12</td> <td>12</td> </tr> <tr> <td>Penulisan jurnal</td> <td>Tiada had</td> <td>Tiada had</td> <td>Tiada had</td> </tr> </table>		Jawatan Profesor	Jawatan Prof. Madya	Jawatan Pensyarah Kanan		<u>(VK7)</u>	<u>(DS54)</u>	<u>(DS52)</u>	Penulisan buku	15	12	12	Penulisan jurnal	Tiada had	Tiada had	Tiada had
	Jawatan Profesor	Jawatan Prof. Madya	Jawatan Pensyarah Kanan															
	<u>(VK7)</u>	<u>(DS54)</u>	<u>(DS52)</u>															
Penulisan buku	15	12	12															
Penulisan jurnal	Tiada had	Tiada had	Tiada had															
<p>3.1.4 BAB DALAM BUKU TERJEMAHAN</p> <p>(i) Terkemuka</p> <p>(ii) Lain-lain Penerbitan</p>	<p>0.50/bab</p> <p>0.25/bab</p>																	
<p>3.1.5 BUKU CETAKAN AWAL</p>	<p>1.0/buku</p>	<p>Buku cetakan awal bermaksud <i>Sprint Print</i> yang tiada proses penilaian oleh penilai berwibawa. Markah maksimum adalah 1 sahaja.</p>																
<p>3.1.6 BUKU SUNTINGAN/ADAPTASI</p> <p>(i) Suntingan</p> <p>(ii) Adaptasi</p>	<p>2.0/buku</p> <p>1.0/buku</p>	<p>Buku-buku ilmiah yang disunting. Markah maksimum hanya untuk tiga orang sahaja. Sekiranya melebihi tiga orang 6.0 markah (suntingan) atau 3.0 markah (adaptasi) akan dibahagi dengan bilangan penyunting.</p> <p>Buku-buku ilmiah adalah yang diulas.</p>																

**KRITERIA PEMARKAHAN KECEMERLANGAN AKADEMIK BAGI
PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UUM**

KOMPONEN	MARKAH	GLOSARI
3.1.7 ULASAN BUKU (i) Dalam Jurnal/Setara (ii) Dalam Akhbar/Setara	1.0/buku 0.5/buku	
3.2 <u>MONOGRAF/LAPORAN TEKNIKAL</u>	2.5/terbitan	Monograf/Laporan teknikal dihasilkan daripada penyelidikan/kepakaran.
3.3 <u>MODUL</u> 3.3.1 Kursus Universiti 3.3.2 Kursus Pendek	1.0/modul 0.5/modul	Kursus untuk pengajaran. Markah maksimum adalah 2 markah Kursus Pendek adalah kursus yang dianjurkan UUM.
3.4 <u>ARTIKEL</u> 3.4.1 JURNAL/E-JURNAL BERWASIT (i) Antarabangsa (SCOPUS/ISI) (ii) Antarabangsa (iii) Kebangsaan	7.0/artikel 5.0/artikel 3.0/artikel	Jurnal berwasit bermaksud artikel dinilai oleh sidang pengarang jurnal. Jurnal Antarabangsa berwasit bermaksud sidang pengarang dianggotai oleh ahli-ahli daripada 3 buah negara. Pemohon perlu membuktikan artikelnya telah dinilai sekiranya diminta oleh Panel. Nota : Artikel-artikel yang telah diterbitkan dalam jurnal yang telah disenaraihitamkan tidak akan diambil kira dalam penilaian kenaikan pangkat (Sila lihat Lampiran).

**KRITERIA PEMARKAHAN KECEMERLANGAN AKADEMIK BAGI
PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UUM**

KOMPONEN	MARKAH	GLOSARI
3.4.2 JURNAL/E-JURNAL TIDAK BERWASIT (i) Peringkat Antarabangsa (ii) Peringkat Kebangsaan	1.0/artikel 1.0/artikel	Termasuk jurnal yang diterbitkan oleh badan profesional.
3.4.3 PROSIDING (i) Berwasit (SCOPUS/ISI) (ii) Berwasit (iii) Tidak Berwasit	3.0/artikel 2.0/artikel 1.0/artikel	Markah maksimum hanya untuk tiga orang sahaja bagi jurnal dan prosiding berwasit. Sekiranya melebihi tiga orang, markah akan dibahagi dengan bilangan penulis yang terlibat.
3.5 PENERBITAN LAIN/SUNTINGAN 3.5.1 BUKU SOROTAN AKADEMIK 3.5.2 KATAMASUKAN ENSIKLOPEDIA 3.5.3 RENCANA MEDIA MASSA/BULETIN 3.5.4 KARYA KREATIF 3.5.5 LAIN-LAIN PENERBITAN	1.0/pnrbtn 0.5-1.0/ pnrbtn 0.5 – 2.0/pnrbtn 0.1-1.0/pnrbtn 0.1-1.0/pnrbtn	Buku seperti "Annotated Bibliography" Bergantung kepada banyaknya patah perkataan bagi menjelaskan katamasukan berkenaan. Tulisan dalam suratkhobar/majalah berbentuk advokasi awam dan intelektual awam dalam bidang kepakaran. Boleh juga diiktiraf jika bukan dari bidangnya tetapi kurang mata. Perlu lihat juga di mana sumber itu diterbitkan, jika tidak berwibawa ada nilai tetapi kurang. Karya kreatif termasuklah puisi, cerpen, video, filem pendek, animasi, MultiMedia Learning Objects. Markah maksimum untuk karya kreatif adalah satu sahaja. Markah maksimum bagi bahagian 3.5 bagi jawatan Profesor adalah satu sahaja. Lain-lain penerbitan adalah yang diluluskan oleh Jawatankuasa

**KRITERIA PEMARKAHAN KECEMERLANGAN AKADEMIK BAGI
PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UUM**

KOMPONEN	MARKAH	GLOSARI
<p>4. <u>PERUNDINGAN/SEMINAR</u></p> <p>4.1 <u>SEMINAR</u></p> <p>4.1.1 SEMINAR ANTARABANGSA</p> <p>(i) Pengucap Utama</p> <p>(ii) Pengarah Persidangan/Panel Institusi</p> <p>(iii) Ahli Panel/Pembentang Jemputan</p> <p>(iv) Penulis/Pembentang Kertas Kerja</p>	<p>DS52 : 10 DS54 : 10 VK7 : 10</p> <p>3.0/seminar</p> <p>2.5/seminar</p> <p>2.0/seminar</p> <p>1.5/seminar</p>	<p>Seminar dalam negara yang dapat kelulusan kabinet atau Kementerian Pengajian Tinggi atau seminar luar negara yang diiktiraf.</p> <p>Sesuatu seminar dianggap sebagai seminar antarabangsa sekiranya pembentang dan peserta adalah 50% dari luar negara.</p> <p>Pengucap Utama perlu menyediakan dokumen sokongan dan surat jemputan.</p> <p>Pengarah Persidangan adalah pegawai utama penganjur sesuatu persidangan. Panel institusi adalah pembentangan kertas kerja secara berkumpulan yang dibiayai oleh institusi dalam seminar yang berimpak tinggi.</p> <p>Sekiranya terdapat lebih daripada 3 penulis, markah 4.5 (3x1.5) dibahagikan kepada bilangan penulis.</p>
<p>4.1.2 SEMINAR KEBANGSAAN</p> <p>(i) Pengucap Utama</p> <p>(ii) Pengarah Persidangan/Panel Institusi</p> <p>(iii) Ahli Panel/Pembentang Jemputan</p> <p>(iv) Penulis/Pembentang Kertas Kerja</p>	<p>2.5/seminar</p> <p>2.0/seminar</p> <p>1.5/seminar</p> <p>1.0/seminar</p>	<p>Markah perundingan diambil kira setelah sesuatu perundingan tersebut telah disiapkan dan laporan akhir telah diperakukan oleh pembiaya.</p> <p>Perundingan kebangsaan adalah tender yang hanya dibuka kepada perunding tempatan. Pengajaran di luar pengajaran perdana adalah seperti pengendalian bengkel, kursus pendek, latihan dan pengajaran sambilan.</p> <p>Pemohon perlu mengemukakan surat jemputan yang disahkan Ketua Jabatan.</p> <p>Sekiranya terdapat lebih daripada 3 penulis, markah (3x1.0) dibahagikan kepada bilangan penulis.</p>

**KRITERIA PEMARKAHAN KECEMERLANGAN AKADEMIK BAGI
PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UUM**

KOMPONEN	MARKAH	GLOSARI
<p>4.2 <u>PERUNDINGAN (DIDAFTARKAN DENGAN UUM)</u></p> <p>4.2.1 PERUNDINGAN ANTARABANGSA/KEBANGSAAN</p> <p>(i) Ketua Program</p> <p>(ii) Ketua Projek</p> <p>(iii) Ahli</p>	<p>7.0/projek</p> <p>5.0/ projek</p> <p>3.0/projek</p>	<p>Markah perundingan diambil kira setelah sesuatu perundingan tersebut telah disiapkan dan laporan akhir telah diperakukan oleh pemiaya.</p> <p>Perundingan kebangsaan adalah tender yang hanya dibuka kepada perunding tempatan , Pengajaran di luar pengajaran perdana adalah seperti pengendalian bengkel, kursus pendek, latihan dan pengajaran sambilan.</p> <p>Pemohon perlu mengemukakan surat jemputan yang disahkan Ketua Jabatan.</p> <p>Markah yang sama (3 markah) untuk diberikan kepada ahli penyelidik kedua hingga kelima. Sekiranya terdapat lebih daripada lima ahli penyelidik, 15 (5x 3) markah dibahagikan kepada bilangan ahli penyelidik. Contoh, jika jumlah bilangan ahli penyelidik 10 orang.</p> <p>e.g $\frac{5 \times 3}{10} = \frac{15}{10} = 1.5$ markah setiap ahli</p>
<p>4.3 <u>KHIDMAT LATIHAN</u></p> <p>4.3.1 PENGAJARAN DI LUAR PROGRAM PERDANA (BENGKEL LATIHAN, KURSUS PENDEK DAN PENGAJARAN SAMBILAN)</p>	<p>1.0/aktiviti</p> <p>(Markah maksimum adalah 3 sahaja)</p>	

**KRITERIA PEMARKAHAN KECEMERLANGAN AKADEMIK BAGI
PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UUM**

KOMPONEN	MARKAH	GLOSARI
<p>5. <u>KEPIMPINAN DAN PENGIKTIRAFAN AKADEMIK</u></p> <p>5.1 <u>AHLI JAWATANKUASA PROFESIONAL/AKADEMIK/LEMBAGA PENGARAH</u></p> <p>5.1.1 Antarabangsa</p> <p>5.1.2 Kebangsaan</p>	<p>DS52 : 5 DS54 : 10 VK7 : 20</p> <hr/> <p>5.0/Jkuasa</p> <p>3.0/Jkuasa</p>	<p>Termasuk "corporate advisory", perundingan tanpa pembiayaan, yang dijemput tetapi diiktiraf. Pemohon perlu mengemukakan dokumen sokongan atau surat pelantikan.</p>
<p>5.2 <u>PENILAI /JAWATANKUASA TEKNIKAL</u></p> <p>5.2.1 Antarabangsa</p> <p>5.2.2 Kebangsaan</p>	<p>5.0/Jkuasa</p> <p>3.0/Jkuasa</p>	
<p>5.3 <u>SARJANA/FELO PELAWAT</u></p> <p>5.3.1 Antarabangsa</p> <p>5.3.2 Kebangsaan</p> <p>1.3.3 Felo COE (Center of Excellence)</p>	<p>5.0/lantikan</p> <p>3.0/lantikan</p> <p>2.0/lantikan</p>	<p>Markah bagi Felo Center of COE adalah 2 markah sahaja.</p>

**KRITERIA PEMARKAHAN KECEMERLANGAN AKADEMIK BAGI
PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UUM**

KOMPONEN	MARKAH	GLOSARI
<p>5.4 <u>SIDANG EDITOR JURNAL/MAJALAH</u></p> <p>5.4.1 Antarabangsa</p> <p>5.4.2 Kebangsaan</p>	<p>3.0/jurnal</p> <p>2.0/jurnal</p>	<p>Berdasarkan kepada kepakaran dalam bidang-bidang profesional dan atas undangan rasmi daripada pihak-pihak yang berwibawa.</p> <p>Markah maksimum adalah 6 markah.</p>
<p>5.5 <u>PANEL DISKUSI DALAM BIDANG KEPAKARAN</u></p> <p>5.5.1 Antarabangsa</p> <p>5.5.2 Kebangsaan</p>	<p>3.0/diskusi</p> <p>2.0/diskusi</p>	
<p>5.6 <u>PENILAI/PEMERIKSA TESIS</u></p> <p>5.6.1 PEMERIKSA LUAR</p> <p>(i) Ph.D</p> <p>(ii) DBA/Ph.D Industri (D Mgt)</p> <p>(iii) SARJANA</p>	<p>5.0/tesis</p> <p>3.0/tesis</p> <p>3.0/tesis</p>	<p>Pemohon perlu mengemukakan dokumen sokongan atau surat pelantikan.</p>

**KRITERIA PEMARKAHAN KECEMERLANGAN AKADEMIK BAGI
PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UUM**

KOMPONEN	MARKAH	GLOSARI
5.6.2 PEMERIKSA DALAM (i) Ph.D (ii) DBA/Ph.D Industri (D. Mgt) (iii) SARJANA (PENYELIDIKAN) (iv) SARJANA (KERJA KURSUS)	3.0/tesis 2.0/tesis 2.0/tesis 1.0/projek	Pemohon perlu mengemukakan dokumen sokongan atas surat pelantikan.
5.7 <u>PENILAI ARTIKEL JURNAL/PROSIDING</u> 5.7.1 Antarabangsa 5.7.2 Kebangsaan	1.0/artikel 1.0/artikel	
5.8 PENILAI LUAR DAN AHLI LEMBAGA PENILAI KENAIKAN PANGKAT/ AKREDITASI/PENYELIDIKAN/ KUALITI/KURIKULUM	2.0/lantikan	

**KRITERIA PEMARKAHAN KECEMERLANGAN AKADEMIK BAGI
PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UUM**

KOMPONEN	MARKAH	GLOSARI
<p>5.9 ANUGERAH AKADEMIK/INOVASI</p> <p>5.9.1 Antarabangsa/Khas</p> <p>5.9.2 Kebangsaan</p> <p>5.9.3 Universiti</p>	<p>3.0/anugerah</p> <p>2.0/anugerah</p> <p>1.5/anugerah</p>	<p>Anugerah inovasi dan lain-lain anugerah yang berkaitan dengan akademik.</p> <p>Pemohon perlu mengemukakan dokumen sokongan atau surat pelantikan.</p> <p>Anugerah adalah seperti S.E.A Write Award/ Magsaysay.</p> <p>Sasterawan Negara, Tokoh Maal Hijrah, Tokoh Guru, Anugerah Pendidik Cemerlang dan lain-lain.</p>
<p>5.10 ANUGERAH PENGIKTIRAFAN</p> <p>5.10.1 Antarabangsa</p> <p>5.10.2 Kebangsaan</p> <p>5.10.3 Negeri</p>	<p>15.0/anugerah</p> <p>7.0/anugerah</p> <p>5.0/anugerah</p>	<p>Anugerah tertinggi sahaja yang diambilkira bagi projek yang sama.</p>
<p>5.11 ANUGERAH EKSPLO PENYELIDIKAN/PERSIDANGAN</p> <p>5.11.1 Antarabangsa</p> <p>5.11.2 Kebangsaan</p> <p>5.11.3 Negeri</p>	<p>3.0/anugerah</p> <p>2.0/anugerah</p> <p>1.0/anugerah</p>	<p>Maksimum markah untuk kategori ini adalah tiga (3) sahaja.</p>

**KRITERIA PEMARKAHAN KECEMERLANGAN AKADEMIK BAGI
PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UUM**

KOMPONEN	MARKAH	GLOSARI
5.12 PENGKOMERSILAN PRODUK PENYELIDIKAN (R&D) DAN HARTA INTELEK	5.0/produk	Pengkomersilan hasil daripada penyelidikan bagi mendapatkan paten atau hakcipta.

**KRITERIA PEMARKAHAN KECEMERLANGAN AKADEMIK BAGI
PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UUM**

KOMPONEN	MARKAH	GLOSARI
<p>6 <u>SUMBANGAN KEPADA UNIVERSITI & MASYARAKAT</u></p> <p>6.1. <u>SUMBANGAN KEPADA UNIVERSITI</u></p> <p>6.1.1 PENTADBIRAN</p> <p>i) TNC</p> <p>ii) PNC</p> <p>iii) Dekan</p> <p>iv) Pengarah PTJ</p> <p>v) Pengetua DPP</p> <p>vi) TD/TP/Pengerusi Bidang/Pengarah Bukan PTJ</p> <p>vii) Penyelaras</p> <p>viii) Felo DPP</p> <p>ix) Penasihat Persatuan Pelajar</p>	<p>DS52 : 10 DS54 : 10 VK7 : 10</p>	
<p>6.1.2 JAWATANKUASA PERINGKAT UNIVERSITI (BUKAN BERDASARKAN JAWATAN PENTADBIRAN – cth. AHLI SENAT)</p>	<p>2.0/JKuasa</p>	<p>Jawatan yang tidak mendapat elaun.</p>

**KRITERIA PEMARKAHAN KECEMERLANGAN AKADEMIK BAGI
PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UUM**

KOMPONEN	MARKAH	GLOSARI
6.1.3 JAWATANKUASA PERINGKAT KOLEJ/PUSAT PENGAJIAN	1.0/Jkuasa	
6.1.4 MEWAKILI UNIVERSITI DALAM SUKAN DAN AKTIVITI BUKAN AKADEMIK	2.0/aktiviti	
6.1.5 JAWATANKUASA PERSATUAN STAF PERINGKAT UNIVERSITI	2.0/penggal	Exco yang dilantik berdasarkan keputusan mesyuarat agung. Markah maksimum adalah 2 markah.
6.1.6 AHLI PERSATUAN STAF/IKHTISAS	0.5/persatuan	
6.2 <u>SUMBANGAN KEPADA MASYARAKAT</u> 6.2.1 ANTARABANGSA 6.2.2 KEBANGSAAN 6.2.3 NEGERI 6.2.4 DAERAH	5.0/aktiviti 4.0/aktiviti 3.0/aktiviti 2.0/aktiviti	Sebagai aktivis NGO, sukarelawan, NGO, PIBG, ALUMNI. Aktiviti-aktiviti yang terbuka, bebas dan tidak terhad kepada akademik, perlu ada surat sokongan. Termasuk aktiviti membina hubungan UUM dengan mana-mana badan korporat/negara.